



## SIARAN MEDIA

### ARAHAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 18 HINGGA 31 MAC 2020

#### “TINDAKAN KOMPAUN DAN SITAAN KEPADA PENIAGA DAN PENJAJA DEGIL”

1. Bermula hari ini, MPS akan menjalankan tindakan yang lebih tegas dengan mengenakan kompaun dan sita berikutan masih ramai peniaga didapati ingkar dengan arahan perintah kawalan pergerakan yang dikeluarkan oleh kerajaan yang bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020. Tindakan ini akan diambil selaras dengan kuasa yang diberikan kepada MPS di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (AKTA 342)
2. Pada operasi yang dijalankan masuk hari ke-6 semalam, pihak MPS telah meneruskan pemantauan ke atas premis perniagaan di seluruh kawasan Selayang yang melibatkan seramai 55 orang anggota dari Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS. Pemeriksaan yang dijalankan melibatkan 131 premis di mana 32 premis telah diberi amaran lisan dan 43 premis telah diberikan notis amaran bertulis.
3. Pada operasi tersebut juga, MPS mendapati beberapa kedai serbaneka dan pasaraya tidak mengawal pengunjung yang memasuki premis mereka di mana pengunjung memenuhi premis mereka tanpa mengamalkan jarak selamat 1 meter seperti yang diarahkan oleh kerajaan.
4. Dalam satu operasi berasingan pada semalam juga, pemeriksaan telah dijalankan di kawasan Pasar Borong Selayang melibatkan 44 orang anggota dari MPS, DBKL, Agensi Pertahanan Awam (APM), Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) dan PDRM Gombak. Dalam operasi ini tindakan sitaan telah dikenakan ke atas peniaga yang meninggalkan barang-barang perniagaan di kawasan berkenaan sehingga menimbulkan situasi persekitaran yang tidak menyenangkan. Tindakan sitaan melibatkan 8 inventori pelbagai barangan di bawah Seksyen 46(1)a Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
5. Untuk sebarang pertanyaan ataupun aduan, orang ramai boleh menghubungi talian Bilik Gerakan Khas MPS yang akan beroperasi pada Isnin hingga Jumaat, Jam 8 pagi hingga 5 petang di hotline 03-61389898 atau talian bebas tol di 1800-222-677. Orang ramai juga boleh merujuk laman sosial MPS untuk sebarang pengumuman terkini berkaitan MPS.

#### Dikeluarkan Oleh:

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

12.45 PM  
24 Mac 2020